

MELAKA - KRISIS

1977

KUALA LUMPUR, 26 OGOS (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN KRISIS POLITIK NEGERI MELAKA BOLEH DISELESAIKAN DENGAN BAIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI JAWATAN-KUASA PENYIASAT KHAS KRISIS TERSEBUT BERKATA, INI ADALAH KERANA UMNO TELAH BANYAK MENGALAMI KRISIS DAN KESEMUANYA TELAH DAPAT DISELESAIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MALAYSIA JUGA PERCAYA WALAU APAPUN CARA YANG DIGUNAKAN BAGI MENYELESAIKAN KRISIS TERSEBUT, +LAMA KELAMAAN IA AKAN REDA.+

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN SELEPAS KETUA MENTERI MELAKA, HAJI ABDUL GHANI ALI MENEMUINYA DI PEJABAT TIMBALAN PERDANA DI SINI HARI INI BAGI MEMBENTANGKAN KESNYA.

TURUT BERSAMA KETUA MENTERI ITU IALAH TIGA ORANG AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG TIDAK TERLIBAT DALAM KUMPULAN 11 YANG MAHUKAN PENGUNDURAN HAJI ABDUL GHANI.

MEREKA IALAH AHLI EXCO, ENCIK JOHARI YUSOF (MASJID TANAH) AHLI EXCO, ENCIK SABARUDDIN YAAKUB (NYALAS) DAN PUAN HAJJAH FATIMAH AHMAD (BUKIT RAMBAI). — BERSAMBUNG 1528/ZCM

EE

B5018

MELAKA - KRISIS 2 KUALA LUMPUR

TURUT DALAM PERTEMUAN ITU IALAH LAIN-LAIN ANGGOTA JAWATANKUASA PENYIASAT ITU IAITU TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DATUK MUSA HITAM DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA, DATUK SENU ABDUL RAHMAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGESAHKAN BAHAWA HAJI ABDUL GHANI TELAH MENYERAHKAN SATU MEMORANDAM BAGI DISERAHKAN KEPADA PEMANGKU PRESIDEN UMNO, DATUK HUSSEIN ONN.

SATU SALINAN MEMORANDAM ITU JUGA TELAH DITERIMA BAGI PENYIASATAN JAWATANKUASA TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN SESAMA SENDIRI SEBELUM MENYIAPKAN LAPURAN MENGENAI KRISIS POLITIK ITU BAGI DISERAHKAN KEPADA DATUK HUSSEIN.

BELIAU BERHARAP LAPURAN TERSEBUT DAPAT DISIAPKAN SEBELUM JUMAAT DEPAN.

DITANYA BILAKAH PENYELESAIAN MENGENAI KRISIS ITU AKAN DIBUAT OLEH DATUK HUSSEIN, BELIAU MENJELASKAN TERSERAHLAH KEPADA DATUK HUSSEIN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSANNYA SAMADA SEBELUM ATAU SELEPAS HARI RAYA ATAU PUN SAMADA UNTUK MERUNDINGKANNYA TERLEBIH DAHULU DENGAN MAJLIS TERTINGGI UMNO ATAU TIDAK. — BERSAMBUNG 1535/ZCM

MELAKA - KRISIS 3 KUALA LUMPUR

63

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYIASAT TERSEBUT ADALAH TERHADAP UMNO DAN PENYIASATAN YANG DIJALANKAN ADALAH DEMI KEPENTINGAN PARTI.

OLEH KERANA JAWATANKUASA ITU TIDAK DILANTIK OLEH BARISAN NASIONAL, MAKA IA TIDAK MEMPUNYAI MANDAT DARI BARISAN UNTUK MENJALANKAN PENYIASATANNYA MELIPUTI LAIN-LAIN AHLI PARTI KOMPONEN DI MELAKA.

BELIAU, BAGAIMANAPUN MENEGASKAN +DALAM HAL INI UMNO MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DAN JIKA MASALAH UMNO DAPAT DISELESAIKAN, LAIN-LAIN MASALAH JUGA SUDAH PASTI DAPAT DISELESAIKAN JUGA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU SELAIN DARI PERTEMUAN DENGAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI MELAKA DAN PERTEMUAN-PERTEMUAN SECARA BERASINGAN DENGAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DALAM KRISIS ITU, JAWATANKUASA JUGA MENERIMA BANYAK SURAT LAYANG MENGENAI KRISIS TERSEBUT.

+MALAH JAWATANKUASA INI JUGA MEMBACA LAPURAN-LAPURAN AKHBAR MENGENAI KRISIS TERSEBUT DAN MENGAMALKAN SIKAP TELINGA TERBUKA,+ KATA BELIAU. -- BERSAMBUNG 1550/ZCM

MELAKA - KRISIS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN SEBAB-SEBAB ENCIK ABDUL GHAFAR BABA SEORANG NAIB PRESIDEN YANG TERKANAN DALAM KMNO TIDAK DILANTI MENDUDUKI JAWATANKUASA ITU.

KATANYA: +PERLANTIKAN BELIAU ADALAH TIDAK SESUAI KERANA KEANGGOTAANNYA MUNGKIN DISYAKI OLEH MANA-MANA PIHAK KERANA BELIAU JUGA BERASAL DARI NEGERI MELAKA.+

PERTEMUAN KETUA MENTERI MELAKA DAN ROMBONGANNYA DENGAN JAWATAN-KUASA TERSEBUT BERLANGSUNG LEBIH 1-1/2 JAN.

SEBELUM ITU JAWATANKUASA ITU JUGA TELAH MENEMUI LAPAN ORANG AHLI UMNO DALAM D DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG TERLIBAT DALAM KUMPULAN 11 YANG MAHUKAN KETUA MENTERI ITU MELETAKKAN JAWATAN.

PERTEMUAN MEREKA BERLANGSUNG DARI PUKUL 9 PAGI DAN BERAKHIR HAMPİR DUA JAM KEMUDIAN. -- BERNAMA 1614/ZCM

GERAKAN-KRISIS

MELAKA, 26 OGOS (BERNAMA) -- GERAKAN BERPENDAPAT KRISIS POLITIK DI NEGERI INI SEKARANG SEBAGAI SATU MASALAH KELUARGA DAN PERCAYA IANYA DAPAT DISELESAIKAN, KATA KETUA BIRO POLITIK PARTI ITU, DR. GOH CHENG TEIK DI SINI HARI INI.

DR. SOH YANG JUGA TIMBALAN MENTERI KERJARAYA DAN KEMUDAHAN BERKATA, GERAKAN PERCAYA DATUK HUSSEIN ONN SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH ITU SECARA YANG MEMUASKAN SEMUA PARTI BERKENAAN. -- BERNAMA 1630/IB